



ROYAL AUSTRALASIAN COLLEGE OF SURGEONS

SIARAN MEDIA

Pakar Bedah Australasia Berkumpul di Kuala Lumpur

Selasa, 13 Mac 2012

Seramai 2,500 delegasi dari seluruh Australia dan New Zealand dijangka berkumpul di Kuala Lumpur pada awal Mei ini untuk menghadiri Kongres Saintifik Tahunan (ASC) Ke-81 Royal Australasian College of Surgeons (Kolej DiRaja Pakar Bedah Australasia).

Menurut Presiden Kolej, Encik Ian Civil, tema mesyuarat – “The Making of a Surgeon” – adalah amat bertepatan kerana sidang pleno akan mengetengahkan peri pentingnya kemahiran bukan teknikal sebagai satu aspek untuk menjadi seorang doktor bedah yang baik. Ini termasuk komunikasi, kerjasama dan profesionalisme.

“ASC akan menyediakan 28 program khusus dan sub-khusus, yang mana sebahagiannya meliputi program separuh hari, manakala yang lain sepenuh masa sepanjang tempoh empat hari persidangan,” kata Encik Civil. “Program ini membolehkan delegasi membincangkan perkembangan terbaru dalam sains pembedahan yang menjadi pengkhususan mereka. Dan, oleh sebab delegasi hanya boleh berada di satu tempat pada satu masa, program ini boleh dimuat turun daripada Kongres Virtual Kolej.”

“Delegasi yang telah melakukan kerja penting dalam bidang pengkhususan mereka telah menghantar ikhtisar mereka kepada Kolej sebelum Kongres dan akan membuat pembentangan rasmi di Kuala Lumpur,” kata Encik Civil.

“Kolej juga sangat teruja serta mengalu-alukan kira-kira 40 penceramah jemputan dari seluruh dunia. Barisan pakar bedah ini merupakan pemimpin dunia dalam bidang pembedahan dan penyelidikan pembedahan masing-masing.”

Acara kemuncak ASC termasuk *Syme Oration*, yang pada tahun ini akan disampaikan oleh Datuk Paul Low Seng Kuan, Presiden Transparency International Malaysia.

Kuliah Edward “Weary” Dunlop Memorial akan disampaikan oleh pakar bedah neuro terkenal dari Melbourne, Mejar Jeneral Profesor Jeffrey Rosenfeld.

Encik Civil berkata pemilihan Kuala Lumpur sebagai lokasi penganjuran ASC mencerminkan komitmen berterusan Kolej untuk mengukuhkan hubungannya dengan pakar bedah di rantau Asia.

“Pihak Kolej mengalu-alukan penyertaan pakar bedah Malaysia ke lebih banyak ceramah dan bengkel ASC,” katanya. “ASC sebelum ini yang berlangsung di Hong Kong pada 2008 mendapat sambutan memberangsangkan sehingga menerima permintaan untuk diadakan satu lagi mesyuarat seumpamanya.”

“Ibu negara Malaysia dipilih kerana kehebatan Pusat Konvesyen Kuala Lumpur sebagai lokasi persidangan. Sejak dibuka pada 2006, ia telah memenangi banyak anugerah antarabangsa dan terletak di lokasi strategik yang dikelilingi taman berlandskap indah dan berlatarbelakangkan Menara Berkembar PETRONAS. Ia bagaikan dibina untuk mesyuarat kami.”

ASC akan berlangsung daripada 6 hingga 10 Mei.

**Pertanyaan media: Michael Barrett, Pengurus Media & Perhubungan Awam
+61 429 028 933 atau (+61 3) 9249 1263**